

# Matrix anjur Bunga Bunga Raya

Oleh NAZARUDIN SHAHARI

**SEREMBAN** – Sempena sambutan hari raya, pemaju hartanah, Matrix Concepts Holdings Bhd. (Matrix Concepts) akan menganjurkan pelbagai aktiviti pada 29 dan 30 April ini bertempat di Bayu Sutera, Bandar Sri Sendayan di sini.

Ketua Pegawai Pemasaran Matrix Concepts, Lim Kok Yee berkata, acara selama dua hari bertemakan Bunga Bunga Raya itu akan bermula pada pukul 6 petang sehingga 10 malam dengan tarikan utamanya adalah dekorasi lampu hiasan bermotifkan flora yang ditampilkan di sepanjang lokasi acara.

"Tema Bunga Bunga Raya melambangkan pelbagai 'warna' di negara kita yang mempunyai pelbagai bangsa dan agama. Kami akan sentiasa menaikkan dan mengekalkan semangat keharmonian serta perpaduan menerusi acara ini dengan semua dapat meraikan hari raya bersa-



**DEKORASI** lampu hiasan bermotifkan flora menjadi tarikan utama pengunjung di Bunga Bunga Raya anjuran Matrix Concepts di Bayu Sutera, Bandar Sri Sendayan, Seremban pada 29 dan 30 April ini.

ma-sama.

"Setiap hiasan adalah berinspirasikan flora yang menakjub-

kan dengan setiap daripadanya merangkumi makna yang berbeza seperti kebersamaan, pe-

rayaan, kemaafan, harapan, permulaan baharu dan kesucian.

"Lokasi acara akan dihiasi

dengan dekorasi lampu bertemakan bunga untuk orang ramai bergambar dan merakamkan kenangan masing-masing dalam persekitaran yang unik dan penuh warna-warni," katanya dalam satu kenyataan.

Kok Yee menambah, bagi memeriahkan acara, beberapa aktiviti turut akan diadakan termasuk persembahan muzik, demonstrasi permainan gasing, bengkel kaligrafi jawi, lukisan batik buatan tangan selain pasar makanan yang menampilkan pelbagai juadah tempatan.

Tambahnya, kemeriahan Syawal akan diteruskan dengan penganjuran Ekspo Matrix Bumi pada 6 dan 7 Mei ini di lokasi yang sama.

Jelasnya, selain pameran hartanah, program itu dimeriahkan dengan pelbagai persembahan, pertunjukan permainan, pameran motor dan bazar hab halal selain kehadiran trak-trak makanan buat pengunjung yang hadir.